

Perjanjian boleh tingkatkan harga bekalan air

Singapura: Malaysia berpondasi penyelesaian segera isu perjanjian air dengan Singapura akan membolehkan harga bekalan air ke republik itu dapat ditingkatkan, sekali gus menampung kos penyelenggaraan yang tinggi, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, isu berkenaan adalah antara yang dibangkitkan dalam pertemuan bersama Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong, sempena Sesi Pemukiman Pemimpin-Pemimpin Malaysia-Singapura ke-10 di sini, semalam.

Anwar berkata, Malaysia dan Singapura juga bersetuju bekerjasama untuk memastikan Johor dapat meningkatkan kapasiti bekalan air bagi kegunaan negeri serta negara jiran itu.

“Dalam isu air, menanggung (isu itu) tidak memberi keuntungan pada kita, malah penangguhan memberi makna harga air kekal pada kadar lama.

“Mempercepatkan (penyelesaian) isu air akan ada keupa-

yaan untuk kita meningkatkan sedikit harga air dan kesediaan Singapura untuk bersama menyelenggarakan projek di Sungai Johor yang memerlukan suntikan kewangan dari republik itu.

“Bagi saya, hal ini (rundingan air) sudah kita capai, malah Singapura dan Johor boleh menyejajarkan kaji selidik untuk melihat keupayaan membesarkan sungai-sungai dan kapasiti pengeluaran air di Johor.

“Perkara ini kita akan bincang lebih lanjut bersama kerajaan Johor,” katanya.

Pada April 2019, Malaysia dan Singapura dilapor bersetuju untuk mencari penyelesaian berhubung perjanjian air, termasuk kemungkinan menyelesaikan pertikaian menerusi timbangan atas dasar persetujuan bersama, berdasarkan keputusan yang dicapai pada Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura kesembilan di Putrajaya.

Isu perjanjian air antara kedua-dua negara kembali menjadi topik panas pertengahan tahun

lalu apabila bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan harga air mentah yang dijual kepada Singapura ketika ini tidak munasabah dan bercadang merundingkan semula terma perjanjian.

Perjanjian yang berakhir pada 2061 itu memberi hak kepada Singapura mengeluarkan 250 juta gelen sehari (mgd) air mentah dari Sungai Johor pada kadar tiga sen bagi setiap 1,000 gelen.

Johor kemudian membeli semula air terawat dari republik itu pada kadar 50 sen bagi setiap 1,000 gelen.

Sebelum ini, Singapura bersetuju membayar 45 sen bagi setiap 1,000 gelen sehingga 2011 dan 60 sen mulai 2011 hingga 2061 yang akan berterusan sehingga 100 tahun selepas itu.

Bagaimanapun, Malaysia mahu Singapura membayar 60 sen bagi setiap 1,000 liter air bermula 2001 hingga 2007 dan RM3 bagi setiap 1,000 liter sehingga 2011, tetapi republik itu menolak.

Menurut kenyataan bersama

yang dikeluarkan selepas pemukiman itu, kedua-dua pemimpin mengesahkan komitmen mereka seperti diperuntukkan dalam Perjanjian Air Sungai Johor 1962 (62WA).

Kedua-dua mereka bersetuju membentuk semula Jawatankuasa Teknikal Bersama bagi menyambung perbincangan mengenai usaha melindungi kualiti air, selain meningkatkan hasil Sungai Johor, bagi memastikan bekalan air mampan seperti yang termaktub dalam 62WA.

Mereka juga sepakat kedua-dua negara menyambung semula perbincangan mengenai harga air mentah dan terawat, tanpa menjejaskan kedudukan masing-masing yang lama telah dibuat mengenai hak untuk menyamak semula harga berdasarkan 62RW.

Dalam perkembangan berkaitan, Anwar berkata, Malaysia dan Singapura tidak boleh melihat isu tertunggak antara dua negara berkenaan secara berasingan.

Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan, isu tertunggak antara dua negara itu perlu dilihat secara menyeluruh berikutan hubungan dua hala yang akrab dan saling memerlukan.

Mengenai isu ruang udara, Anwar berkata, beberapa persetujuan mengenai parameter rundingan telah dipersetujui yang menggambarkan ‘pencapaian luar biasa dalam hubungan dua hala’.

Dalam kenyataan bersama itu kedua-dua pemimpin antara lain bersetuju untuk mengkaji semula pengaturan delegasi bagi menyediakan perkhidmatan trafik udara di selatan Semenanjung Malaysia.

Ini disyorkan dan diluluskan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) pada 1973 dan dilaksanakan melalui Surat Perjanjian Operasi antara Kuala Lumpur dan Pusat Kawalan Kawasan Singapura mengenai Ketibaan, Berlepas dan Penerbangan Singapura 1974.